Volume: 9 Issues: 60 Special Issue [January, 2024] pp. 69 - 74
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096008

STATUS KARYA BERHAK CIPTA SELEPAS KEMATIAN PEMUNYA: PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

THE STATUS OF WORKS WITH COPYRIGHT AFTER THE DEATH OF THE OWNER' : LEGAL PERSPECTIVE IN MALAYSIA'

Nor Azlina Mohd Noor[1]
Ahmad Shamsul Abd Aziz[2]
Nor Adila Mohd Noor[3]

[1] Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (E-mail: norazlyna@uum.edu.my)
[2] Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Email: sham@uum.edu.my)
[3] Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Malaysia, (E-mail: norad852@uitm.edu.my)

Article history
Received date : 29-11-2023
Revised date : 3-12-2023
Accepted date : 15-1-2024
Published date : 31-1-2024

To cite this document:
Mohd Noor, N. A., Abd Aziz, A. S., & Mohd Noor, N. A. (2024). Status karya berhak cipta selepas kematian pemunya: Perspektif undang-undang di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (60), 57 – 68.

Abstrak: *Karya berhak cipta boleh didefinisikan sebagai sesuatu karya yang dihasilkan oleh seorang pencipta seperti karya sastera, karya muzik dan karya filem sebagaimana yang tertakluk di bawah seksyen 7(1) Akta Hak Cipta 1987. Pemilikan karya berhak cipta yang menjadi sebahagian daripada harta pemunya banyak dibincangkan semasa hidup pemunya. Walau bagaimanapun isu pemilikan karya berhak cipta selepas kematian pemunya jarang sekali dibincangkan. Berlaku salah faham di kalangan masyarakat bahawa setiap karya berhak cipta akan menjadi milik umum atau domain awam selepas kematian pemiliknya. Isu yang berlaku diambil perhatian ialah selepas kematian pemunya siapakah yang akan memiliki karya berhak cipta tersebut dan berapa lama jangka masa perlindungan yang diperuntukkan. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kualitatif undang-undang dalam bentuk kajian perpustakaan. Data diperoleh daripada analisis yang dibuat ke atas beberapa peruntukan undang-undang yang terdapat di Malaysia dan jurnal-jurnal yang berkaitan. Artikel ini merumuskan bahawa, hak pemunya karya berhak cipta boleh diwarisi dan menjadi harta pusaka si mati. Walau bagaimanapun peruntukan di bawah Akta Hak cipta 1987 perlu dibaca bersama dengan undang-undang berkaitan pentadbiran pusaka. Pemilikan hak cipta selepas kematian pemunya masih lagi tertakluk kepada prinsip di bawah Akta Wasiat 1959 dan Akta Pembahagian 1958 bagi orang bukan Islam dan batasan dalam enakmen wasiat dan undang-undang faraid bagi orang Islam. Wujud keperluan untuk memperhalus kerangka undang-undang sedia ada bagi menyelesaikan beberapa kekangan undang-undang yang wujud bagi melindungi hak-hak pemunya yang boleh diwarisi oleh ahli waris selepas kematian mereka.*

Kata kunci: *Karya, hak cipta, pusaka, undang-undang, Malaysia*

Volume: 9 Issues: 60 Special Issue [January, 2024] pp. 69 - 74
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096008

Abtsract: *A copyrighted work may be defined as a work produced by an inventor such as literary works, musical works and film works as stipulated under section 7(1) of the Copyright Act 1987. The ownership of the copyrighted work that is part of the owner's property is much discussed during the life of the owner. However the issue of ownership of the copyrighted work after the death of the owner is rarely discussed. There is a misconception among the community that any copyrighted work will become public or public domain after the death of its owner. The issue of concern is that after the death of the owner, who will own the copyrighted work and how long will the work be protected. This article used the legal qualitative methodology in the form of a library study. Data was obtained from analysis made on a number of legal provisions available in Malaysia and related journals. This article summarizes that, the rights of the owner of the copyrighted work can be inherited and become the estate of the deceased. However, the provisions under the Copyright Act 1987 should be read together with the relevant laws on estate administration. Copyright ownership after the death of the owner is still subject to the principles under the Will Act 1959 and the Distribution Act 1958 for non-Muslims and limitations in the enactment of wills and faraid laws for Muslims. There is a need to refine the existing legal framework to resolve some of the legal constraints that exist to protect the rights of the owners that can be inherited by the heirs after their death.*

Keyword: *Work, copyright, succession, law, Malaysia*

Pengenalan

Karya berhak cipta boleh didefinisikan sebagai sesuatu karya yang dihasilkan oleh seorang pencipta seperti karya sastera, karya seni, karya muzik karya filem, karya rakaman bunyi dan karya siaran sebagaimana yang tertakluk di bawah seksyen 7(1) Akta Hak Cipta 1987. Karya sastera boleh didapati dalam bentuk novel, cerita, buku, risalah, manuskrip, karya syair dan penulisan lain, lakonan, drama, arahan pentas, senario filem, skrip siaran, karya koreografi dan pantomim, treatis, sejarah, biografi, karangan dan artikel, ensiklopedia, kamus dan karya rujukan lain, surat, laporan dan memorandum. Karya seni pula terdiri daripada karya grafik, fotograf, seni ukir atau kolaj, tanpa mengira kualiti seni, karya seni bina dalam bentuk bangunan atau model bagi bangunan atau karya pertukangan seni.

Karya adalah dilindungi tanpa mengira kualiti dan tujuan karya itu dihasilkan. Sesebuah karya akan mendapat perlindungan hak cipta secara automatik sebaik sahaja ia memenuhi tiga syarat berikut:

a) usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli;
b) karya tersebut telah ditulis, di rekod atau dijadikan dalam bentuk bahan; dan
c) penciptanya adalah orang yang berkelayakan atau karyanya telah dibuat di Malaysia atau karyanya mula-mula diterbitkan di Malaysia.

Perlindungan hak cipta yang juga cabang kepada harta intelek adalah dikawal selia oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002. Isu pemilikan karya berhak cipta yang menjadi sebahagian daripada harta pemunya banyak dibincangkan semasa hidup pemunya walau bagaimanapun isu pemilikan karya berhak cipta selepas kematian pemunya jarang sekali dibincangkan. Berlaku salah faham di kalangan masyarakat bahawa setiap karya berhak cipta akan menjadi milik umum atau domain awam selepas kematian pemiliknya. Isu yang berlaku diambil perhatian ialah selepas kematian pemunya siapakah yang akan memiliki karya berhak cipta tersebut dan berapa lama jangka masa perlindungan yang diperuntukkan.

Volume: 9 Issues: 60 Special Issue [January, 2024] pp. 69 - 74
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096008

Metodologi

Artikel ini dihasilkan menerusi suatu kajian undang-undang doktrinal dalam bentuk kajian perpustakaan. Data diperoleh daripada analisis yang dibuat ke atas beberapa peruntukan undang-undang yang terdapat di Malaysia dan jurnal-jurnal yang berkaitan. Yaqin (2008) menyatakan bahawa kajian perpustakaan merupakan kaedah asas kepada penyelidikan undang-undang. Penyelidikan undang-undang mengaplikasikan penelitian sistematik terhadap peningkatan pengetahuan undang-undang (Abdullah, 2018). Analisis data dibuat untuk melihat kepada isu status pemilikan karya berhak cipta selepas kematian pemunya serta undang-undang yang berkaitan dengannya.

Pemilikan karya berhak cipta

Hak cipta merupakan hak eksklusif yang diberikan kepada pencipta (Abdul Shukor et.al, 2020) atau pemunya karya berhak cipta oleh undang-undang untuk tempoh masa yang tertentu bagi membolehkan pencipta mengawal serta mengeksploitasi karya mereka (Ramli & Zainol, 2018). Hak cipta wujud dalam tiap-tiap karya yang layak mendapat hak cipta yang mana pencipta atau dalam hal karya ciptaan bersama, mana-mana daripada pencipta itu adalah seorang orang berkelayakan sama ada warganegara Malaysia atau pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di Malaysia semasa karya itu dibuat (Seksyen 10(1) Akta Hak Cipta 1987).

Hak eksklusif ini memberikan kuasa monopoli diberikan kepada pihak yang memiliki suatu hak cipta atau pemunya karya berhak cipta tersebut . Konsep monopoli diwujudkan di bawah undang-undang hak cipta bagi memberi hak kepada pemunya karya berhak cipta untuk mendapat ganjaran dalam bentuk kewangan di samping memberi faedah kepada orang ramai (Aziz, Noor & Mohamed, 2020). Kuasa hak cipta dan ganjaran yang diperolehi oleh pemunya ini boleh diwariskan atau dipindahmilik kepada ahli waris apabila pemunya meninggal dunia.

Undang-undang memperuntukkan bahawa pencipta adalah pemunya pertama kepada hasil karya berhak cipta. Walau bagaimanapun pencipta tidak akan dianggap pemunya pertama jika hasil karya berhak cipta tersebut dihasilkan dalam dua keadaan. Pertamanya, jika sesuatu karya telah ditempah oleh seseorang yang bukannya majikan pencipta karya itu di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan dan keduanya jika karya itu tidak ditempah, ia dibuat dalam masa bekerjanya pencipta karya itu. Dalam kedua-dua keadaan tersebut, hak cipta itu dianggap sebagai dipindah milik kepada orang yang telah menempah karya itu atau kepada majikan pencipta itu, tertakluk kepada apa-apa perjanjian antara pihak yang berkenaan yang menolak atau mengehadkan pindah milik tersebut (Seksyen 26(2) Akta Hak Cipta 1987).

Walau bagaimanapun, pencipta akan tetap mempunyai hak moral terhadap karya berhak cipta tersebut dan hak ini boleh dieksploitasi oleh Wasi selepas kematiannya. Undang-undang memperuntukkan bahawa selepas kematian pencipta dan tanpa persetujuan wakil dirinya atau Wasi bagi pihak waris, tiada seorang pun boleh, menggunakan karya tersebut tanpa mengenal pasti pencipta, dan merosakkan, mencacatkan atau mengubahsuai karya tersebut sehingga menyebabkan perubahan yang jelas pada karya tersebut dan perubahan itu boleh memudaratkan kehormatan atau reputasi pencipta. Dalam erti kata lain wakil diri pemunya karya berhak cipta iaitu Wasi, boleh menggunakan hak yang diberikan oleh seksyen ini walaupun hak cipta ke atas karya itu tidak terletak hak pada pencipta atau wakil diri pada masa aduan terhadap perbuatan itu dibuat (Seksyen 25 Akta Hak Cipta 1987).

Volume: 9 Issues: 60 Special Issue [January, 2024] pp. 69 - 74
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096008

Pemilikan karya berhak cipta selepas kematian pemunya

Harta pusaka ialah peninggalan si mati yang perlu diuruskan dengan efisien supaya urusan pembahagian kepada waris-waris yang berhak dapat diuruskan dengan segera. Perwarisan harta pusaka merujuk kepada aturan yang mengatur tentang pemindahan hak pemilikan harta peninggalan seseorang yang telah meninggal dunia dan dibahagikan kepada waris yang berhak. Antara bentuk harta yang boleh diwariskan ialah harta ketara iaitu harta alih dan harta tidak alih serta harta tidak ketara seperti harta intelek seperti karya berhak cipta.

Undang-undang pentadbiran pusaka di Malaysia adalah antara perundangan yang sangat unik dengan kewujudan kepelbagaian undang-undang dan institusi yang mengawal selia pembahagian dan pentadbiran pusaka si mati. (Halim & Noor, 2014). Pindah milik harta si mati boleh berlaku dalam dua keadaan. Pertamanya adalah melalui pemberian wasiat dan keadaan kedua boleh berlaku melalui kuat kuasa undang-undang.

Pindah milik harta melalui pemberian wasiat adalah berdasarkan peruntukan Akta Wasiat 1959 bagi orang bukan Islam dan Enakmen Wasiat orang Islam bagi orang Islam. Tiada kekangan had pembahagian yang wujud bagi orang bukan Islam yang berhasrat untuk membuat pemberian berwasiat kepada sesiapa sahaja yang diingini. Akta Wasiat 1959 hanya memperuntukkan tiga syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang yang berhasrat untuk membuat wasiat iaitu dewasa, waras dan mempunyai kapasiti untuk berwasiat. Berbeza dengan orang bukan Islam, wujud limitasi kepada orang Islam yang berhasrat untuk membuat pemberian berwasiat. Pertamanya adalah orang Islam tidak boleh memberikan wasiat kepada ahli waris dan keduanya adalah pembahagian harta secara pemberian berwasiat hendaklah dibuat dalam had maksimum 1/3 daripada jumlah keseluruhan harta si mati (Halim, Noor & Salim, 2020)

Bagi pindah milik harta melalui kuat kuasa undang-undang adalah dibuat berdasarkan peruntukan Akta Pembahagian 1958 bagi orang bukan Islam dan prinsip pembahagian faraid bagi orang Islam. Keadaan ini berlaku di mana seseorang individu meninggal dunia tanpa membuat sebarang wasiat yang akan berkuat kuasa selepas kematiannya. Oleh itu pembahagian harta pusaka si mati tanpa wasiat akan berlaku dengan kuat kuasa undang-undang pusaka yang berkaitan. Bagi kaedah ini, kedua-dua undang-undang berkaitan pusaka untuk orang Islam dan orang bukan Islam telah memperuntukkan secara jelas kadar pembahagian yang akan diperolehi oleh ahli waris yang pada asasnya terdiri daripada pasangan, zuriat dan ibu bapa. Jika mana-mana daripada ketiga-tiga golongan ini tiada semasa kematian si mati, barulah waris-waris lain akan memperoleh bahagian masing-masing.

Akta Hak Cipta 1987 mempunyai peruntukan jelas tentang pindah milik hak cipta melalui pemberian berwasiat atau melalui kuat kuasa undang-undang. Seksyen 27 (1) memperuntukkan bahawa hak cipta boleh dipindah milik sebagai harta alih melalui penyerahhakan, pemberian berwasiat atau dengan kuat kuasa undang-undang. Pemunya hak cipta mempunyai hak eksklusif untuk menetapkan had pembahagian hak cipta dalam wasiatnya. Seksyen 27(2) pula dengan jelas memperuntukkan bahawa sesuatu penyerahhakan atau pemberian berwasiat hak cipta boleh dihadkan supaya ia terpakai bagi setengah-setengah perbuatan sahaja yang pemunya hak cipta itu ada hak eksklusif mengawalnya, atau bagi sebahagian tempoh hak cipta itu sahaja atau bagi sesuatu negara atau kawasan geografi tertentu lain.

Semua urusan yang berkaitan dengan penyerahhakan hak cipta dan pemberian berwasiat perlu dilakukan secara bertulis sahaja. Perkara ini telah ditegaskan dalam seksyen 17(3) di mana ia memperuntukkan bahawa tiada penyerahhakan hak cipta dan tiada lesen bagi melakukan

Volume: 9 Issues: 60 Special Issue [January, 2024] pp. 69 - 74
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096008

sesuatu perbuatan yang perlakuannya dikawal oleh hak cipta boleh berkuat kuasa kecuali dengan bertulis. Peruntukan ini adalah selari dengan seksyen 5 Akta Wasiat 1959 di mana undang-undang memperuntukkan bahawa sesuatu wasiat perlulah dibuat secara bertulis.

Jangka masa perlindungan yang diperuntukkan

Wujud tempoh masa bagi perlindungan hak cipta di Malaysia. Hak cipta karya sastera, muzik atau seni akan terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun selepas kematian pemunya atau pencipta karya tersebut. Ini bermaksud, ahli waris akan dapat menggunakan hak-hak pemilik asal karya berhak cipta sebagaimana dia masih hidup sehingga lima puluh tahun selepas kematiannya. Hak ini termasuklah hak eksklusif, hak monopoli dan hak moral mengikut ketetapan undang-undang berkaitan.

Isu yang perlu diberi perhatian adalah apa yang akan berlaku kepada ahli waris yang mendapat faedah daripada perlindungan karya hak cipta seperti pembayaran royalti apabila tempoh perlindungan tersebut tamat. Sebagai contoh, Badan Perlindungan Hak Cipta Muzik Berhad (MACP) baru-baru ini dilaporkan sedang bersedia untuk membincangkan dan memperhalusi isu penamatan perlindungan hak cipta karya Allahyarham Tan Sri P Ramlee yang bermula pada tahun 1973 yang tempoh matangnya akan berakhir tahun depan apabila mencecah 50 tahun (Nordin, 2022). Dengan penamatan tempoh perlindungan karya berhak cipta tersebut, ahli waris tidak lagi boleh menikmati pembayaran royalti daripada badan pengutip royalti berdaftar tersebut.

Kesimpulan

Artikel ini merumuskan bahawa, hak pemunya karya berhak cipta boleh diwarisi dan menjadi harta pusaka si mati. Walau bagaimanapun peruntukan di bawah Akta Hak cipta 1987 perlu dibaca bersama dengan undang-undang berkaitan pentadbiran pusaka. Pemilikan hak cipta selepas kematian masih lagi tertakluk kepada prinsip di bawah Akta Wasiat 1959 dan Akta Pembahagian 1958 bagi orang bukan Islam dan batasan dalam enakmen wasiat dan undang-undang faraid bagi orang Islam. Wujud keperluan untuk memperhalus kerangka undang-undang sedia ada bagi menyelesaikan beberapa kekangan undang-undang yang wujud bagi menjamin kesejahteraan ahli waris.

Penghargaan

Artikel ini ditulis berdasarkan geran penyelidikan yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Penyelidikan FRGS (FRGS/1/2019/SSI10/UUM/02/2)

Rujukan

Abdul Shukor, S. et.al. (2020). “Communications and Media Law in Malaysia”. Negeri Sembilan: USIM Malaysia

Abdullah, N.C. (2018). Legal research methodology. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell

Akta Hak Cipta 1987

Akta Pembahagian 1958

Akta Wasiat 1959

Aziz, A.S.A., Noor, N.A.M. & Mohamed, K. (2020). Keperluan Dalihan Kepentingan Awam Dalam Undang-Undang Hak Cipta Di Era Teknologi Maklumat International Journal of Law, Government and Communication, 5 (19), 107-117.

Halim, A.H. & Noor, N.A.M. (2014). Managing and Preserving the Estates of a Deceased Person: The Extent of Personal Representatives' Powers and Liabilities in Malaysia. Australian Journal of Basic and Applied Sciences, 8(13), 663-669

Volume: 9 Issues: 60 Special Issue [January, 2024] pp. 69 - 74
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096008

Halim, A.H., Noor, N.A.M. and Salim, W.N.M. (2020). The Execution of Muslim's Will (Wasiyyah) in Malaysia: A Way to Evade Islamic Inheritance (Faraid)(Pelaksanaan Wasiat di Malaysia: Satu Cara Pembahagian Harta Pusaka (Faraid)). *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*, *17*(3), 184-197.

Nordin, N. (2022). MACP kaji isu penamatan perlindungan hak cipta P Ramlee. Diakses daripada https://www.hmetro.com.my/rap/2022/06/848556/macp-kaji-isu-penamatan-perlindungan-hak-cipta-p-ramlee pada 1 Nov 2022.

Ramli, N. dan Zainol, Z.A. (2018). "Universiti Penyelidikan dan Hak Milik Harta Intelek." Bangi: Penerbit UKM

Yaqin. A. (2008). Legal Research and Writing. Kelana Jaya: LexisNexis.